

## Peringatan : Umat Nabi Muhammad S.A.W

"Yazid Ar-raqqasyi dari Anas bin Malik r.a. berkata : Jibril datang kepada Nabi s.a.w pada saat yang tidak biasa datang, dalam keadaan yang berubah mukanya, maka ditanya oleh Nabi s.a.w: Mengapa aku melihat kau berubah muka?"

Jawabnya: Ya Muhammad aku datang kepadamu pada saat di mana Allah menyuruh supaya dikobarkan penyalan api neraka, maka tidak layak bagi orang yang mengetahui bahawa Neraka Jahannam itu benar, dan seksa kubur itu benar, dan seksa Allah itu terbesar untuk bersuka-suka sebelum dia merasa aman daripadanya.

Lalu Nabi s.a.w. bersabda: Ya Jibril, jelaskan padaku sifat Jahannam!

Jawabnya: Ya, ketika Allah menjadikan Jahannam maka **dinyalakan selama seribu tahun sehingga merah, kemudian dilanjutkan seribu tahun sehingga putih, kemudian seribu tahun sehingga hitam, maka ia hitam gelap, tidak pernah padam nyala dan baranya.**

Demi Allah yang mengutus engkau dengan hak, **andaikan terbuka sebesar lubang jarum nescaya akan dapat membakar penduduk dunia semuanya kerana panasnya.**

Demi Allah yang mengutus engkau dengan hak, **andaikan satu baju ahli neraka itu digantung diantara langit dan bumi nescaya akan mati penduduk bumi kerana panas dan baunya.**

Demi Allah yang mengutus engkau dengan hak, **andaikan satu pergelangan dan rantai yang disebut Allah dalam Al-quran itu diletakkan di atas bukit nescaya akan cair sampai ke bawah bumi yang ke tujuh.**

Demi Allah yang mengutus engkau dengan hak, **andaikan seorang dihujung barat terseksa nescaya akan terbakar orang<sup>2</sup> yang dihujung timur kerana sangat panasnya, Jahannam itu sangat dalam dan perhiasannya besi, dan minumannya air panas bercampur nanah, dan pakaiannya potong-potongan api**

Api neraka itu mempunyai tujuh pintu, tiap<sup>2</sup> pintu ada bahagian yang tertentu dari org laki<sup>2</sup> dan perempuan.

Nabi s.a.w bertanya: Apakah pintu-pintunya bagaikan pintu<sup>2</sup> rumah<sup>2</sup> kami?

Jawabnya: Tidak, tetapi selalu terbuka, setengahnya di bawah dari lainnya **dan pintu ke pintu jarak perjalanannya tujuh puluh ribu tahun, tiap pintu lebih panas dari yang lain tujuh puluh kali lipat ganda**, maka digiring ke sana musuh<sup>2</sup> Allah sehingga bila telah sampai ke pintunya disambut oleh Malaikat<sup>2</sup> Zabaniyah dengan rantai dan belunggu, maka **rantai itu dimasukkan ke dalam mulut mereka hingga tembus ke punggung dan diikat tangan kirinya ke lehernya, sedang tangan kanannya dimasukkan ke dalam dada dan tembus ke bahunya, dan setiap manusia diganding dengan syaitannya lalu diseret tersungkur mukanya sambi dipukul oleh para malaikat dengan tukul besi**, setiap mereka ingin keluar kerana sangat risau maka ditanamkan ke dalamnya.

Kemudian Nabi s.a.w bertanya: Siapakah penduduk di pintu masing<sup>2</sup>?

Jawabnya: Pintu **yang terbawah untuk org<sup>2</sup> munafik dan org<sup>2</sup> kafir** setelah diturunkan hidangan mukjizat Nabi Isa a.s serta keluarga Firaun sedang namanya Al-Hawiyah. Pintu kedua tempat org<sup>2</sup> musyrikin bernama Jahim, pintu ketiga tempat org<sup>2</sup> shobi'in bernama saqar. Pintu keempat tempat iblis dan pengikutnya dan kaum majusi bernama ladha. Pintu kelima org<sup>2</sup> yahudi bernama khuthamah. Pintu keenam tempat org<sup>2</sup> kristian(nasara) bernama sa'ir.

Kemudian Jibril diam segan pada Rasulullah s.a.w sehingga Nabi s.a.w bertanya: Mengapa tidak kau terangkan penduduk **pintu ketujuh**?

Jawabnya: **Didalamnya org<sup>2</sup> yang berdosa besar dari umatmu yang sampai mati belum sempat bertaubat.**

Maka **Nabi s.a.w jatuh pengan ketika mendengar keterangan itu**, sehingga Jibril meletakkan kepala Nabi s.a.w di pangkuan Jibril sehingga sedar kembali, dan ketika sudah sedar **Nabi s.a.w bersabda: Ya Jibril sungguh besar kerisauanku dan sangat sedihnya diriku, apakah ada seorang dari umatku yang akan masuk ke dalam neraka?**

Jawabnya: ya, iaitu org **yang berdosa besar dari umatmu.**

Kemudian Nabi s.a.w menangis, Jibril juga menangis, kemudian Nabi s.a.w masuk ke dalam rumahnya dan tidak keluar kecuali untuk sembahyang kemudian kembali dan tidak berbicara dengan orang dan bila sembahyang baginda selalu menangis dan minta kepada Allah, dan pada hari yang ketiga datang Abu Bakar r.a ke rumah Nabi s.a.w mengucap: Assalamua'laikum ya ahla bait rahmah, apakah dapat bertemu kepada Nabi s.a.w, maka tidak ada yang menjawabnya, sehingga dia beredar dan menangis. Kemudian Umar r.a datang dan berkata : Assalamua'laikum ya ahla bait rahmah, apakah dapat bertemu dengan Rasulullah dan ketika tidak mendapat jawapan dia pun beredar dan menangis, kemudian datang Salman Al Farisi dan berdiri di muka pintu sambil mengucapkan: Assalamua'laikum ya ahla bait rahmah, apakah dapat bertemu dengan junjunganku Rasulullah s.a.w, dan ketika tidak mendapat jawabannya, dia menangis sehingga jatuh dan bangun, sehingga dia mengucapkan: Assalamua'laikum hai puteri Rasulullah s.a.w. Bertepatan itu Ali r.a tidak ada di rumah, lalu bertanya: Hai puteri Rasulullah sesungguhnya Rasulullah s.a.w telah beberapa hari tidak keluar rumah kecuali untuk sembahyang dan tidak berkata-kata kepada orang, juga tidak mengizinkan org<sup>2</sup> bertemu kepadanya.

Maka segerala Fatimah memakai baju yang panjang dan pergi sehingga sampai di pintu rumah Rasulullah s.a.w dan memberi salam sambil berkata: saya Fatimah, ya Rasulullah...

**Sedang Rasulullah s.a.w bersujud sambil menangis**, maka mengangkat kepalanya dan bertanya: Mengapakah kesayanganku, bukakan pintu untuknya. Maka masuklah Fatimah dan ketika melihat Nabi s.a.w, **menangislah dia kerana melihat Nabi s.a.w pucat dan sembab mukanya kerana banyak menangis dan sangat sedih**, lalu dia bertanya : Ya Rasulullah apakah yang menimpa padamu?

Jawabnya: Jibril datang kepadaku dan menerangkan sifat<sup>2</sup> Neraka Jahannam lalu menerangkan bahawa bahagian yang teratas daripadanya adalah untuk umatku yang berbuat dosa-dosa besar, maka itulah yang menyebabkan tangis dan dukacitaku..

Dia bertanya: Ya Rasulullah bagaimana cara masuknya?

Jawabnya: **Diiring oleh Malaikat ke neraka, tanpa dihitamkan muka juga tidak biru mata mereka dan tidak ditutup mulut mereka, dan tidak digandingkan dengan syaitan, bahkan tidak dibelenggu atau dirantai.**

Ditanya pula: Lalu bagaimana cara Malaikat menuntun mereka?

Jawabnya: Adapun **kaum lelaki ditarik janggutnya sedang yang wanita ditarik rambutnya**, maka berapa banyak dari org<sup>2</sup> tua dari umatku yang mengeuh ketika diseret ke neraka:

“Alangkah tua dan lemah diriku” Demikian pula yang muda.”Wahai kemudaanku dan bagus rupaku”

Sedang wanita mengeuh. “wahai alangkah malu diriku sehingga dibawa ke Malaikat Malik”

Dan ketika dilihat oleh Malaikat Malik, lalu bertanya:siapakah mereka itu? Maka tidak pernah saya dapatkan orang yang akan terseksa seperti org<sup>2</sup> ini, muka mereka tidak hitam, matanya tidak biru, mulutnya tidak tertutup juga tidak diikat bersama syaitannya, dan tidak dibelenggu atau dirantai leher mereka?

Jawab Malaikat: Demikianlah kami diperintah membawa orang<sup>2</sup> ini kepadamu sedemikian rupa.

Lalu ditanya oleh Malaikat Malik: siapakah kamu wahai org<sup>2</sup> yang celaka?

Dalam riwayat lain:ketika mereka digiring oleh Malaikat, mereka selalu memanggil:”wa Muhammad”, tetapi setelah melihat Malaikat Malik, mereka lupa akan nama Muhammad s.a.w kerana hebatnya Malaikat Malik, lalu ditanya:siapakah kamu?

Jawab mereka: kami umat yang dituruni Al-Quran dan kami telah berpuasa pada bulan Ramadhan.

Lalu Malaikat Malik berkata: Al-Quran tidak diturunkan kecuali kepada umat Muhammad s.a.w.

Maka ketika itu mereka menjerit: kami umat Muhammad!

Maka Malaikat Malik bertanya: tidakkah telah ada larangan dalam Al-Quran dari terhadap Allah ta’ala?

Dan ketika telah berada di tepi Jahannam dan diserahkan kepada Malaikat Zabaniyah,

mereka berkata: **Hai Malik, izinkanlah kami menangis, maka diizinkan, lalu mereka menangis sampai habis air mata, kemudian menangis dengan darah.**

Sehingga berkat Malaikat Malik: **Alangkah baiknya menangis ini andaikata terjadi di dunia kerana takut kepada Allah nescaya kamu tidak akan tersentuh api neraka pada hari ini,** lalu Malaikat Mallik berkata kepada Malaikat Zabaniyah: Lemparkan mereka kedalam neraka.

Dan apabila telah dilempar mereka serentak **menjerit: Laa ilaaha illallah, maka surutlah api neraka.**

Malik berkata: Hai api sambarlah mereka!

Jawab api: **Bagaimana kami menyambar mereka padahal mereka mengucapkan : Laa ilaaha illallah.**

Malik berkata: Ambillah mereka..

Jawab api: **Bagaimana kami dapat mengambil mereka, sedang mereka membaca : Laa ilaaha illallah..**

Malik berkata: Demikianla perintah Tuhan Rabbul Arasy.

Maka ditangkaplah mereka oleh api, ada yang hanya sampai di tapak kaki, ada yang sampai ke lutut, ada yang sampai setengah badan, ada yang sampai leher, maka bila telah sampai ke muka, Malik berkata: **Jangan bakar muka mereka kerana mereka telah lama sujud kepada Allah, juga jgn bakar hati mereka kerana mereka telah haus pada bulan Ramadhan,** maka tinggal daam neraka beberapa lama sambil menyebut: Ya Arhamar Rahimin, ya Hannan ya Mannan.

Kemudian bila telah sampai hukuman mereka, maka Allah memanggil Jibril dan menanyakan: Ya Jibril bagaimanakah keadaan org<sup>2</sup> yang maksiat dari umat Muhammad s.a.w?

Jawab Jibril: Ya Tuhan, Engkau lebih mengetahui.

Lalu diperintah: pergilah kau lihat keadaan mereka

Maka pergilah Jibril a.s kepada Malik yang sedang duduk di atas mimbar di tengah Jahannam. Dan ketika Malik melihat Jibril, ia segera bangun hormat dan berkata: Ya Jibril mengapakah engkau datang ke sini?

Jawabnya: bagaimana keadaan rombongan yang maksiat dari umat Muhammad s.a.w

Jawab Mallik: sungguh ngeri keadaan mereka dan sempit tempat mereka, **mereka telah terbakar badan dan daging mereka kecuali muka dan hati mereka masih berkilauan iman.**

Jibril berkata: bukalah tutup mereka supaya saya dapat melihat mereka.

Maka Malik menyuruh Zabaniyah membuka tutup dan ketika mereka melihat Jibril mereka mengerti bahwa ini bukan Malaikat yang ditugaskan untuk menyiksa.

Lalu mereka bertanya: siapakah hamba yang sangat bagus rupanya itu?

Jawab Malik: itu Jibril yang biasa membawa wahyu kepada Muhammad s.a.w.

Dan ketika mereka mendengar nama Nabi Muhammad s.a.w maka serentak mereka menjerit: Ya Jibril sampaikan salam kami kepada Nabi Muhammad s.a.w dan beritakan bahwa maksiat kamilah yang memisahkan kami dengan baginda, dan beritakan kepadanya keadaan kami.

Maka kembalilah jibril menghadap kepada Allah lalu ditanya: bagaimana kamu melihat umat Muhammad?

Jawabnya: Ya Tuhan alangkah jelek keadaan mereka dan sempit tempat mereka.

Lalu Allah bertanya: Apakah mereka minta apa<sup>2</sup> kepadamu?

Jawabnya: Ya, mereka minta disampaikan salam mereka kepada Muhammad s.a.w dan diberitakan kepadanya keadaan mereka.

Maka Allah menyuruh jibril menyampaikan semua pesan itu kepada Nabi Muhammad s.a.w yang tinggal dalam khemah dari permata yang putih mempunyai empat ribu pintu, tiap pintu mempunyai dua daun pintu dari emas, maka berkata jibril: Ya Muhammad saya datang kepadamu dari rombongan org<sup>2</sup> yang derhaka dari umatmu yang masih terseksa dalam neraka, mereka menyampaikan salam kepadamu dan mengeluh bahwa keadaan mereka sangat jelek dan sangat sempit tempat mereka.

Maka **pergilah Nabi Muhammad s.a.w ke bawah Arasy dan bersujud dan memuji Allah dengan pujian yang tidak pernah diucapkan oleh seorang makhluk pun**, sehingga Allah menyuruh Nabi: Angkatlah kepaamu dan mintalah nescaya akan diberi, dan ajukan syafaatmu pasti akan diterima.

Maka Nabi Muhammad s.a.w berkata: **Ya Tuhanku, org<sup>2</sup> yg derhaka dari umatku, telah teraksana pada mereka hukumanMu dan balasanMu, maka terimalah syafaatku.**

Allah berfirman: Aku terima syafaatmu terhadap mereka, maka pergilah ke neraka dan keluarkan daripadanya org yang pernah mengucap Laa ilaaha illallah..

Maka pergilah Nabi Muhammad s.a.w ke neraka dan ketika dilihat oleh Malaikat Malik segera ia bangkit hormat, lalu ditanya: Hai Malik, bagaimanakah keadaan umatku yang derhaka?

Jawabnya: Alangkah jeleknya keadaan mereka dan sempit tempat mereka, lalu diperintah bukalah pintu dan angkat tutupnya.

Maka apabila org<sup>2</sup> neraka itu melihat Nabi Muhammad s.a.w mereka serentak menjerit: Ya Muhammad, api neraka telah membakar kulit kami.

Maka **dikeluarkan semuanya berupa arang**, lalu dibawa mereka itu ke sungai di muka pintu syurga yang bernama Nahrul Hayawan, dan **di sana mereka mandi kemudian keluar sebagai orang muda gagah yang elok, bolak matanya, sedang wajah mereka bagaikan bulan, tertulis di atas dahi mereka Al Jahannamiyun** atau org<sup>2</sup> Jahannam yang telah dibebaskan Allah. Dan mereka kemudian masuk ke syurga.

Maka apabila org<sup>2</sup> neraka melihat kaum muslimin telah dilepaskan dari neraka, mereka berkata: Aduh sekiranya kami dahulu Islam, tentu kami dapat keluar dari neraka, demikianlah sebagaimana firman Allah : **Pada suatu saat kelak org<sup>2</sup> kafir ingin andaikan mereka menjadi Muslim.**

Abul Laits meriwayatkan dengan sanadnya dari Abdullah bin Amr r.a berkata : org<sup>2</sup> neraka memanggil Malaikat Malik, tetapi tidak dijawab selama empat puluh tahun, kemudian dijawab: Bahawa kamu tetap tinggal dalam neraka.

Kemudia mereka berdoa(memanggil) Tuhan: Ya Tuhan keluarkanlah kami dari neraka ini, maka bila kami mengulangi perbuatan<sup>2</sup> kami yang lalu itu bererti kami zalim, maka tidak dijawab selama umur dunia ini dua kali, kemudian dijawab: Hina dinalah kamu di dalam Neraka dan jangan berkata-kata!

Demi Allah setelah itu tidak ada yang dapat berkata kata walau satu kalimat, sedang **yang terdengar hanya nafas keluhan dan tangis rintihan yang suara mereka hampir menyamai suara himar (keldai)**

*::ingatlah...hari kiamat kian hampir... peringatan ini bukan untuk saudara saudari sekalian sahaja, tetapi untuk diri saya sendiri... hari kiamat adalah benar, neraka adalah benar, perkataan yang keluar dari Nabi besar junjungan kita adalah benar, janji Allah juga benar... dan sesungguhnya seksa Tuhan amat keras... "*